

13/01/2000

Nurhalim hasilkan filem kebangkitan Islam

Zainuri Misfar

PENGARAH Nurhalim Ismail berazam menghasilkan filem baru yang memaparkan kebangkitan Islam sejagat dalam abad baru dengan bertumpu pada latar set di Malaysia.

Bagaimanapun, dia belum pasti bila hasratnya itu mampu terlaksana.

Nurhalim yang tiga tahun lalu menerbit dan mengarahkan filem berkisar dilema seks dalam masyarakat Melayu, *Panas*, menyifatkan cerita yang mahu dipaparkan itu sesuai dengan suasana semasa.

Filem yang dirancangnya itu dan masih belum mempunyai judul juga sejajar wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan negara ini sebagai kota Islam kosmopolitan.

"Keadaan semasa menyaksikan arus kebangkitan Islam. Rakyat sudah memilih Islam daripada pembangunan. Oleh itu saya mahu menghasilkan sebuah filem yang bertolak kepada kebangkitan Islam kerana saya berpendapat filem juga harus berada bersama-sama dalam keadaan itu.

"Ini bukan bermakna hendak menggambarkan Islam menolak pembangunan. Malahan kita mahu menggambarkan bahawa negara ini mempunyai sebuah kota Islam kosmopolitan seperti yang diimpikan Perdana Menteri kita," katanya ketika dihubungi *Persada Seni*.

Nurhalim berkata, untuk melaksanakan pembikinan filem itu, dia bukan saja memerlukan karya kukuh dan tenaga kerja mahir, tetapi juga pihak yang berani membuat pelaburan menerusi kos tinggi.

Menurutnya, beberapa pihak sedang dilobi untuk melabur dalam pembikinan filem itu tetapi jika gagal dia akan mengikut aliran sesetengah penerbit filem sekarang iaitu mencari wang dari luar negara.

"Saya mungkin mengikut jejak beberapa karyawan lain seperti U-Wei Saari yang terpaksa mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan asing bagi membiayai filem mereka.

"Bagi filem yang saya rancang itu, kemungkinan saya cuba mendapat bantuan dari negara Arab. Tapi itu adalah jalan terakhir jika usaha untuk mendapatkan sumber kewangan dari negara sendiri gagal.

"Kami terpaksa...kalau ada pilihan memang kami lebih suka mendapatkan bantuan daripada pembiaya dari negara sendiri," jelasnya.

Nurhalim mengakui kecewa kerana tidak ada pihak yang mahu melabur secara langsung dalam filem sedangkan ia penting kerana medium seni ini merakamkan sejarah budaya bangsa sesebuah negara.

"Ia boleh dihayati oleh generasi muda dan akan datang. Saya tidak pasti kenapa orang kita tidak mahu bantu orang filem. Institusi kewangan juga tidak mesra dengan kegiatan perfileman.

"Kenapa mereka tidak mahu membantu kelemahan industri perfileman ketika ini.

"Takkan hendak tunggu Perdana Menteri cakap, baru orang kita hendak labur dalam filem. Sebenarnya untuk sebuah filem yang bagus, kita hanya memerlukan pelaburan berjumlah RM2 juta tetapi secara berterusan," kata Nurhalim lagi.

Menurutnya, kegiatan perfileman kita sekarang menghadapi dua masalah utama. iaitu kehadiran penonton dan kesanggupan pelabur melabur.

"Dua masalah ini perlu diselesaikan segera. Kita harus cari jalan bagaimana filem kita boleh hidup dan bergantung kepada pelaburan yang berterusan, selain masalah penonton diselesaikan.

"Penyakit ini seharusnya tidak dibawa masuk dalam kegiatan perfileman pada abad ini," katanya.

(END)